



KENYATAAN RASMI

KOLABORASI STRATEGIK BERSAMA UNIMAP DAN PELANCARAN ASPIRASI #PR1MAKITA BAKAL MANFAATKAN KELUARGA MALAYSIA

KANGAR, 30 Mei 2022 – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) hari ini telah mengadakan satu kolaborasi strategik bersama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dalam memacu Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di negeri Perlis, hasil kerjasama dalam bidang Sistem Binaan Berindustri (IBS) bersama SANY Corporation Malaysia (SANY).

Kolaborasi strategik bersama UniMAP ini bakal melahirkan lebih banyak graduan mahir dalam sektor pembinaan selain meningkatkan tahap kemahiran sekaligus membuka peluang pekerjaan yang lebih besar untuk anak muda. Terdahulu, PR1MA telah menandatangani Memorandum Persefahaman bersama SANY, anak syarikat korporat dari China yang berpengalaman luas dalam industri pembinaan berat untuk menggunakan sistem IBS dalam pembinaan kediaman PR1MA di masa akan datang.

Di majlis yang sama, PR1MA turut melancarkan Aspirasi #PR1MAKita, satu inisiatif berteraskan pengukuhan hubungan antara PR1MA dengan Keluarga Malaysia. Di bawah inisiatif ini, pelbagai aktiviti kemasyarakatan telah dan akan dilaksanakan dengan wawasan untuk memacu negara ke arah Malaysia yang Berdaya Huni, selaras dengan aspirasi & semangat Keluarga Malaysia.

Aspirasi #PR1MAKita tersebut telah dilancarkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Yuan Azizan Bin Sulaiman bersama kepimpinan PR1MA yang diketuai Pengerusi PR1MA, Yang Berbahagia Dato' Dr. Fathul Bari bin Mat Jahya dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan PR1MA Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Mohd Nazri bin Md. Shariff.

Pengerusi PR1MA, Yang Berbahagia Dato' Dr. Fathul Bari bin Mat Jahya berkata, PR1MA merupakan sebuah agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan bukan sahaja untuk membina perumahan mampu milik, malah komuniti yang erat



hubungannya, selari dengan aspirasi Kerajaan untuk mewujudkan Malaysia yang Berdaya Huni.

“Di bawah Aspirasi #PR1MAKita, sukacitanya ingin saya umumkan inisiatif yang dekat di hati saya iaitu PR1MASYARAKAT – yang bakal mengeratkan hubungan antara PR1MA dan masyarakat. Antara inisiatif yang akan kami laksanakan ialah karnival perumahan untuk orang muda yang akan membuka ruang dialog untuk mendapat pencerahan mengenai pengurusan kewangan, hak pemilikan rumah, dan sebagainya,” katanya.

“InsyaAllah, usaha-usaha ini bukan sahaja akan dapat meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan anak muda, malah akan dapat memperkuatkan kebolehpasaran dan meningkatkan keupayaan modal insan graduan universiti di masa akan datang,” katanya.

Selain itu, bagi menyelaraskan pelan pembangunan dan kerja-kerja lapangan di wilayah Utara, PR1MA mengumumkan permulaan operasi, Pejabat Operasi Wilayah PR1MA (Utara 1) yang meliputi negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Bagi menambahkan rumah mampu milik di Perlis, PR1MA kini dalam fasa perancangan untuk membina dua buah residensi baharu di Perlis iaitu di Kuala Perlis dan Kangar, selari dengan mandat yang telah diberikan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 untuk PR1MA menyediakan 100,000 rumah mampu milik untuk Keluarga Malaysia.

Sehingga kini, PR1MA mempunyai sebuah residensi di Perlis iaitu Residensi Bandar Putra Height (Padang Siding) yang telah siap dibina pada 2020. Bagi residensi ini, kesemua 228 unit telah terjual dan dilengkapi dengan fasiliti seperti surau, dewan, taska, tadika dan taman permainan.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di www.pr1ma.my atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum di Negeri Selangor) atau emel kepada info@pr1ma.my.

-TAMAT-